



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 11 TAHUN 2020

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA PERMOHONAN PENGAMBILAN HASIL UTAMA HUTAN DARI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DAN TANAH KERAJAAN (TK)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Hasil Hutan boleh dibahagi kepada dua (2) kategori iaitu Hasil Utama Hutan dan Hasil Kecil Hutan. Hasil Utama Hutan adalah seperti dalam Jadual Kedua di bawah subseksyen 2(1) Bahagian A, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313]. Senarai Hasil Utama Hutan adalah seperti berikut:
 - (i) Kayu bulat;
 - (ii) Kayu jaras;
 - (iii) Kayu api;
 - (iv) Arang; dan
 - (v) Semua jenis rotan.
- 2.2 Pada masa kini Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) tiada format Borang Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan yang seragam untuk digunakan di semua Jabatan Perhutanan Negeri.
- 2.3 Sehubungan itu, satu format Borang Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan yang seragam dan boleh digunakan perlu disediakan untuk kegunaan semua Jabatan Perhutanan Negeri. Hal ini secara tidak langsung dapat memastikan urusan pelanggan dan pentadbiran jabatan menjadi lebih efisyen.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).
- 3.2 Arahan kerja ini juga meliputi proses permohonan secara atas talian (*online*) bagi Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK).

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa jua yang terlibat dengan aktiviti Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari HSK dan TK.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tata tertib.

5.0 KAEADAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan

sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

- 5.2.2 Undang-undang yang digunakan bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.
- 5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Mengemukakan permohonan mengambil hasil utama hutan dari Hutan Simpanan Kekal/Tanah Kerajaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri (Borang Permohonan/sistem pendaftaran yang diiktiraf oleh jabatan seperti di Lampiran A) yang disertakan dengan dokumen-dokumen berikut: a) Resit bayaran proses (asal); b) Pelan kawasan permohonan (asal) berskala 1:50,000; c) Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan (salinan); dan d) Salinan kad pengenalan.	Pemohon
5.3.2	Menerima dan menyemak dokumen permohonan.	PT
5.3.3	Daftar ke dalam sistem pendaftaran yang diiktiraf oleh jabatan.	PT
5.3.4	Meneliti dan memproses permohonan untuk pertimbangan PPN/TPPN. <i>* Perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di peringkat negeri.</i>	PPN
5.3.5	Membuat keputusan ke atas permohonan. 5.3.5.1 Mengeluarkan arahan penyediaan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kepada PHD, sekiranya permohonan boleh dipertimbangkan; atau 5.3.5.2 Mengeluarkan surat penolakan, sekiranya permohonan tidak boleh dipertimbangkan.	PPN/TPPN

5.3.6	Mengeluarkan arahan kepada PPHD/PRH bagi penyediaan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kawasan serta mendapatkan ulasan daripada mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan.	PHD
5.3.7	Mengemukakan Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan kepada PPN.	PHD
5.3.8	Menyemak Laporan Kesesuaian Kawasan Permohonan dan penyediaan kertas kerja bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.	PPN/TPPN
5.3.9	Membentangkan kertas kerja untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.	PPN
5.3.10	Menerima keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.	PPN
5.3.11	Mengeluarkan surat kelulusan kepada pemohon seperti contoh di: i. Lampiran B [bagi mengeluarkan hasil hutan utama (Kayu Bulat) dari HSK]; ii. Lampiran C [bagi mengeluarkan hasil utama (Kayu Bulat) dari TK]; atau iii. Lampiran D [bagi mengeluarkan hasil hutan utama kecuali kayu bulat dari HSK].	PPN
5.3.12	Mengeluarkan surat penolakan kepada pemohon seperti contoh di Lampiran E .	PPN

5.4 Carta aliran Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) adalah seperti di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN


- 9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Akta Perhutanan Negara 1984[Akta 313]
10.2 Manual Perhutanan Jilid II
10.3 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang ditetapkan)
(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

**Carta Aliran Proses Kerja
Permohonan Pengambilan Hasil Utama Hutan**



TERMINOLOGI

- Hasil Hutan - Hasil Hutan termasuklah:
- (i) Apabila dijumpai di dalam atau di bawah keluar dari HSK:
 - (a) guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan.
 - (ii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawah keluar dari HSK atau tanah kerajaan:
 - (a) pokok-pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;
 - (b) tumbuh-tumbuhan termasuk pepanjat, tumbuhan menjalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian; dan
 - (c) sutera, kokun, madu/lilin dan sarang burung boleh makan.
 - (iii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawah keluar dari HSK, tanah kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah berimilik:
 - (a) kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap.
- Hutan Simpanan Kekal - Menurut seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313], Hutan Simpanan Kekal ertiannya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.
- Tanah Kerajaan - Tafsiran Tanah Kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada:
- (i) tanah berimilik;
 - (ii) tanah rizab;
 - (iii) tanah lombong; dan
 - (iv) mana-mana tanah di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan.

Ladang Hutan - Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar. Ladang hutan boleh merangkumi kawasan yang terletak di dalam atau di luar Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Sambungan Lampiran 2

SINGKATAN

APN	-	Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
DBH	-	<i>Diameter at Breast Height</i> (Diameter ketinggian paras dada)
HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
JPSM	-	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
KKH	-	Kaedah-Kaedah Hutan
KPPSM	-	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PPPN	-	Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PT	-	Pembantu Tadbir
SSM	-	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	-	Tanah Kerajaan
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri



JABATAN PERHUTANAN NEGERI.....
 ALAMAT:.....

 No.Tel :
 Email :

PERMOHONAN MENGAMBIL HASIL UTAMA HUTAN DARI HUTAN SIMPANAN KEKAL/TANAH KERAJAAN

NEGERI:

(Satu Borang Untuk Satu Hasil Hutan Sahaja dan Diisi Dalam Dua Salinan)

HASIL UTAMA HUTAN	(v)
Kayu Bulat	
Kayu Jaras	
Kayu Api	
Arang	
Semua jenis Rotan	

(Sila tandakan hanya satu (v) pada ruang yang berkenaan)

MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Nama Pemohon /Syarikat:
2. Alamat Berdaftar:
3. No. Kad Pengenalan/No.Pendaftaran Syarikat:
4. No. Telefon:(Pejabat).....(Tel. Bimbit)
5. No. Pendaftaran Kontraktor Pembalakan:
6. Tarikh Luput Pendaftaran Kontraktor:

MAKLUMAT KAWASAN YANG DIPOHON (Hutan Simpanan Kekal)

1. Hutan Simpan:
2. Kompartmen: Daerah/Jajahan Hutan:
3. Keluasan:(Hektar)

MAKLUMAT KAWASAN YANG DIPOHON (Tanah Kerajaan)

1. Mukim:
2. Daerah:
3. Keluasan:(Hektar)

KEPERLUAN DOKUMEN PERMOHONAN

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen lengkap yang berkaitan.

1. Resit Bayaran Proses (asal)
2. Pelan Kawasan Permohonan (asal) berskala 1:50000
3. Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan
4. Salinan Kad Pengenalan Pemohon

.....
 (Tandatangan Pemohon)

Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh:

.....
 Cop Syarikat

.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Semakan pejabat mengenai dokumen-dokumen seperti berikut:-

(Sila tanda ✓)

i.	Resit asal Bayaran Proses	
ii.	Pelan Kawasan Permohonanberskala 1:50,000	
iii.	Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan	
vi.	Salinan Kad Pengenalan	

Diterima oleh saya pada.....haribulan.....20.....jam.....pagi/petang.

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama:

Cop Jabatan:

Perhatian:

1. Borang ini boleh didapati secara PERCUMA di Jabatan Perhutanan Negeri atau boleh dimuat turun di laman sesawang Jabatan Perhutanan Negeri.
2. Sila pastikan Borang Permohonan ditandatangani oleh Permohon yang berkenaan sahaja.
3. Semua Bayaran Proses hendaklah dibuat menggunakan Kiriman Wang/Perintah Juruwang/Bank Drafti atas nama **BENDAHARI NEGERI/PENGARAH PERHUTANAN NEGERI**.
4. Permohonan ini tidak akan diproses sekiranya borang permohonan tidak lengkap atau maklumat pemohon tidak benar.
5. Kelulusan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Lampiran B

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

KELULUSAN MENGAMBIL HASIL UTAMA HUTAN (KAYU BULAT) DARI HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI.....BAGI TAHUN.....

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*).....Bil.....bertarikh.....apabila menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan dan bersetuju:

a) Diluluskan lesen mengambil hasil utama hutan (....) kepada YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan di bawah Seksyen 19 Akta Perhutanan Negara 1984 satu kawasan untuk diusahasil seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------|--|
| (i) Hutan Simpanan Kekal | : Hutan Simpan..... |
| (ii) Kompartmen/Sub kompartmen | :..... |
| (iii) Daerah/ Jajahan | : |
| (iv) Keluasan | :hektar |
| (v) Lokasi kawasan | : Seperti di tanda pelan berkembar |
| (vi) Had batas tebangan | : Akan ditentukan kemudian
[Mengikut Inventori Hutan
Sebelum Tebangan (Pre-F) atau
kaedah yang diterima pakai]. |

b) Sebelum lesen mengambil hasil utama hutan (.....) ini diproses, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut dalam tempoh satu (1) bulan bermula dari tarikh surat ini dan pastikan Pendaftaran Kontraktor Pembalakan YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan masih berkuatkuasa. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kiriman Wang/Perintah Juruwang/Bank Draf di atas nama BENDAHARI NEGERI/PENGARAH PERHUTANAN NEGERI

(i)	Wang Cagaran	:	RM
(ii)	Bayaran Premium (RM..... X hektar)	:	RM
(iii)	Bayaran Penandaan Sempadan	:	RM
(iv)	Bayaran Lesen (RM..../hektar X hektar)	:	RM
(v)	Bayaran Tukul Tanda Harta	:	RM
(vi)	Daftar Tanda Pengelasan	:	RM
(vii)	Bayaran Proses	:	RM
JUMLAH		RM	

(Perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di JPN)

- c) Dokumen lesen untuk mengambil hasil utama hutan (.....) akan dikeluarkan setelah semua perkara-perkara berikut dipenuhi:
 - (i) Semua bayaran pelesenan telah dijelaskan;
 - (ii) Penyediaan sempadan telah siap dilaksanakan;
 - (iii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) telah siap dilaksanakan;
 - (iv) Penandaan Pokok telah siap dilaksanakan; dan
 - (v) Rancangan Mengusaha Hasil Hutan (RMH) siap disediakan.

3. Selain dari itu, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan/pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Mendaftar dan menjelaskan bayaran pendaftaran bagi jentera, kenderaan dan mesin yang digunakan dalam kawasan lesen mengikut Kaedah-Kaedah Hutan;
- b) Melaksanakan pembersihan sempadan kawasan lesen yang telah ditandakan di atas tanah selebar tidak kurang dari dua (2) meter;
- c) Inventori hutan sebelum tebangan akan dilaksanakan bagi penentuan had batas tebangan;
- d) Penandaan pokok secara *timber tagging* akan dilaksanakan;
- e) Had pengeluaran isipadu maksimum yang dibenarkan adalah tidak melebihi

68 meterpadu sehektar bagi hutan dara/tidak melebihi 61 meterpadu sehektar bagi hutan terpulih (**pilihan JPN**);

- f) Mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak berkaitan bagi penggunaan/pembinaan infrastruktur pembalakan yang melibatkan kawasan tanah kerajaan/tanah berimilik;
- g) Menjelaskan bayaran royalti dan ses pembangunan hutan mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa;
- h) Kawasan zon penampaman alur air yang ditanda hendaklah dikekal dan dilindungi dan pokok-pokok dalam kawasan tersebut tidak boleh dirosakkan atau ditebang. Lebar zon penampaman alur air adalah seperti berikut:

Lebar Sungai

Kurang daripada dari 10 meter	10 meter
Di antara 10 hingga 20 meter	20 meter
Diantara 20 hingga 40 meter	40 meter
Lebih daripada 40 meter	45 meter

**Lebar Zon Penampaman Alur Air
(Di kedua-dua belah tebing)**

Kurang daripada dari 10 meter	10 meter
Di antara 10 hingga 20 meter	20 meter
Diantara 20 hingga 40 meter	40 meter
Lebih daripada 40 meter	45 meter

- i) Hanya pokok-pokok yang ditanda sebagai pokok tebangan, pokok kongsi, pokok jalan dan pokok matau sahaja yang boleh ditebang;
- j) Pokok ibu, pokok perlindungan dan pokok yang tidak ditanda tidak boleh dirosakkan atau ditebang;
- k) Pokok-pokok yang dibenarkan untuk ditebang, tidak dibenarkan dijatuhkan/diarahkan ke dalam zon penampaman alur air;
- l) Sampah sarap, reba, balak, balak pendek dan sisa-sisa pengusaha hasilan adalah ditegah dibuang ke dalam sungai;
- m) Mematuhi spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013);
- n) Mematuhi Kriteria dan Petunjuk Malaysia bagi pensijilan Pengurusan Hutan (Hutan Asli)[MC&I (Hutan Asli)] bagi tujuan Pensijilan Pengurusan Hutan;
- o) Menyediakan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan pada setiap bulan;
- p) Mematuhi peraturan-peraturan Agensi/Jabatan Kerajaanlain yang sedang berkuatkuasa;

- q) Lesen ini boleh dilanjutkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri sekiranya kerja mengambil hasil utama hutan bagi kawasan ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- r) Mengemukakan permohonan lanjutan tempoh lesen tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamat tempoh lesen sedia ada;
- s) Bayaran premium tambahan akan dikenakan ke atas baki kawasan yang tidak diusahasarkan mengikut Kaedah-Kaedah Hutan (pilihan JPN);
- t) Menanam semula kawasan matau sementara danlorong penarik dalam kawasan lesen dengan spesies pokok yang dipersetujui oleh Pegawai Hutan Daerah/Jajahan yang berkenaan;
- u) Lesen yang dikeluarkan untuk kawasan kelulusan ini tidak boleh dipinjam atau disandar atau dipindah milik ataupun diberi Surat Kuasa (Power-Of-Attorney) kepada pihak yang lain kecuali dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri;
- v) Sekiranya kelulusan di bawah Skim Kilang Papan, maka semua hasil utama hutan (.....) yang dikeluarkan daripada kawasan lesen ini hendaklah diproses di kilang papan sendiri, kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Perhutanan Negeri untuk diproses di premis pemprosesan kayu yang lain; (Pilihan JPN)
- w) Kelulusan ini merupakan kelulusan dasar yang mana keluasan muktamad untuk dilesenkan adalah bergantung kepada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah/Jajahan; (Pilihan JPN)
- x) YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan berhak untuk tidak menerima kelulusan ini sekiranya YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan tidak berpuas hati dengan isi kandungan hasil utama hutan (...jenis hasil hutan....) yang terdapat di dalam kawasan yang diluluskan; dan
- y) Pihak Berkuasa Negeri juga tidak terikat untuk menimbangkan sebarang rayuan untuk menukar kawasan atau mendapatkan kawasan ganti sekiranya kawasan yang diluluskan ini atau mana-mana bahagiannya adalah kurang atau tidak berhasil.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)

Pengarah Perhutanan Negeri

.....
s.k **Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....**

Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan pelan berskala 1: 50,000 yang mempunyai bacaan GPS bagi Pusat Ikatan (PI)

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

Gelaran (Cth : YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan)

KELULUSAN MENGAMBIL HASIL UTAMA HUTAN (KAYU BULAT) DARI TANAH KERAJAAN DI NEGERI..... BAGI TAHUN.....

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*)..... Bil..... bertarikh..... apabila menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan dan bersetuju:

- i. Diluluskan lesen mengambil hasil utama hutan (....) kepada YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan di bawah Seksyen 19 Akta Perhutanan Negara 1984 satu kawasan untuk diusaha hasil seperti berikut:
 - (a) Tanah Kerajaan : Mukim.....
Daerah/ Jajahan.....
 - (b) Keluasan :Hektar
 - (c) Lokasi kawasan : Seperti di tanda pelan berkembar
 - (d) Had batas tebangan :cm p.p.d (Pilihan JPN)
 - (e) Tempoh lesen :bulan/ tahun

- ii. Sebelum lesen mengambil hasil utama hutan (.....) ini diproses, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut dalam tempoh satu (1) bulan bermula dari tarikh surat ini dan pastikan Tukul Besi Syarikat/Pendaftaran Kontraktor Pembalakan YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan masih berkuatkuasa. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kiriman Wang/Perintah Juruwang/Draf Bank di atas nama BENDAHARI NEGERI

(a) Wang Cagaran	: RM
(b) Bayaran Premium (RM..... X hektar)	: RM
(c) Bayaran Penandaan Sempadan (RM..../hektar X hektar)	: RM
(d) Bayaran Lesen	: RM
(e) Bayaran Tukul Tanda Harta	: RM
(f) Daftar Tanda Pengelasan	: RM
(g) Bayaran Proses	: RM
JUMLAH	RM

(Perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di JPN)

- iii. Dokumen lesen untuk mengambil hasil utama hutan (.....) akan dikeluarkan setelah semua perkara-perkara berikut dipenuhi:
- Semua bayaran pelesenan telah dijelaskan
 - Penyediaan sempadan telah siap dilaksanakan
 - Penandaan Pokok telah siap dilaksanakan. **(Pilihan JPN)**
- iv. Selain dari itu, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan/pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
- Mendaftar dan menjelaskan bayaran pendaftaran bagi jentera, kenderaan dan mesin yang digunakan dalam kawasan lesen mengikut Kaedah-kaedah Hutan;
 - Melaksanakan pembersihan sempadan kawasan lesen yang telah ditandakan di atas tanah selebar tidak kurang dari dua (2) meter;

- c. Sistem penandaan pokok akan dilaksanakan bagi semua pengeluaran kayu bersaiz 30cm Ketinggian Paras Dada (dbh) dan ke atas.(**Pilihan JPN**);
- d. Memperolehi kebenaran daripada Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan sekiranya pembinaan jalan ke kawasan lesen melalui Tanah Kerajaan;
- e. Menjelaskan bayaran royalti dan ses mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa;
- f. Kawasan zon penampungan alur air yang ditanda hendaklah dikekalkan dan dilindungi dan pokok-pokok dalam kawasan tersebut tidak boleh dirosakkan atau ditebang. Lebar zon penampungan alur air adalah seperti berikut:

Lebar Sungai (top width)	Lebar Simpanan Sungai Kiri-Kanan
Kurang dari 10 meter	10 meter
Di antara 10 hingga 20 meter	20 meter
Diantara 20 hingga 40 meter	40 meter
Lebih 40 meter	45 meter

- g. Pokok-pokok yang dibenarkan untuk ditebang, tidak dibenarkan dijatuhkan/diarahkan ke dalam zon penampungan alur air;
- h. Sampah sarap, reba, balak, balak pendek dan sisa-sisa pengusaha hasilan adalah ditegah dibuang ke dalam sungai;
- i. Mematuhi Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013);
- j. Mematuhi peraturan-peraturan Agensi/Jabatan Kerajaan yang lain yang sedang berkuatkuasa;
- k. Lesen ini boleh dilanjutkan oleh Pengarah Perhutanan Negerisekiranya kerja mengambil hasil utama hutan bagi kawasan ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- l. Mengemukakan permohonan lanjutan tempoh lesen tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamat tempoh lesen sedia ada;
- m. Bayaran premium tambahan akan dikenakan ke atas baki kawasan yang tidak diusahasilkan mengikut Kaedah-kaedah Hutan;
- n. Lesen yang dikeluarkan untuk kawasan kelulusan ini tidak boleh dipinjam atau disandar atau ditukar milik ataupun diberi Surat Kuasa (*Power of Attorney*) kepada pihak yang lain;

- o. Kelulusan ini merupakan kelulusan dasar yang mana keluasan muktamad dan kesesuaian kawasan untuk dilesenkan adalah bergantung kepada semakan yang akan dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah; (**Pilihan JPN**)
- p. Kerajaan Negeri tidak memaksa YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk menerima tawaran ini sekiranya YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan tidak berpuas hati dengan isi kandungan hasil utama hutan (.....) yang terdapat di dalam kawasan yang diluluskan; dan
- q. Kerajaan Negeri juga tidak terikat untuk menimbangkan sebarang rayuan untuk menukar kawasan atau mendapatkan kawasan ganti sekiranya kawasan yang diluluskan ini atau mana-mana bahagiannya adalah kurang atau tidak berhasil.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)

Pengarah Perhutanan Negeri

.....
s.k **Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....**

(Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan pelan kawasan yang diluluskan)

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

Gelaran (Cth : YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan)

**KELULUSAN MENGAMBIL HASIL UTAMA HUTAN DARI HUTAN SIMPANAN
KEKAL DI NEGERI..... BAGI TAHUN.....**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*).....Bil.....bertarikh.....apabila menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan dan bersetuju:

i. Diluluskan lesen mengambil hasil utama hutan (....) kepada YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan di bawah Seksyen 19 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] satu kawasan untuk diusaha hasil seperti berikut:-

- | | |
|-------------------------------|-----------------------------------|
| (a) Hutan Simpanan Kekal | : Hutan Simpan..... |
| | Daerah/ Jajahan..... |
| (b) Kompartmen/Sub kompartmen | : |
| (c) Keluasan | :.....ha |
| (d) Lokasi kawasan | :Seperti di tanda pelan berkembar |
| (e) Tempoh Lesen | :.....bulan/ tahun |

ii. Sebelum lesen mengambil hasil utama hutan (....) ini diproses, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut dalam tempoh tempoh satu (1) bulan bermula dari tarikh surat ini dan pastikan Pendaftaran Kontraktor mengambil hasil hutan YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan masih berkuatkuasa. Semua bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Kiriman Wang/Perintah Juruwang/Draf Bank di atas nama BENDAHARI NEGERI.....

(a) Wang Cagaran	:	RM
(b) Bayaran Premium (RM..... X hektar)	:	RM
(c) Bayaran Lesen	:	RM
(d) Bayaran Proses	:	RM
(e) Pendaftaran Kontraktor	:	RM
JUMLAH		RM

(Perlu disesuaikan mengikut tatacara dan proses yang berkuatkuasa di JPN)

- iii. Selain dari itu, YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan/pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-
- Kelulusan ini hanya membenarkan pengeluaran hasil utama hutan (kecuali kayu bulat) sahaja;
 - Tidak dibenarkan menebang/merosakkan pokok di dalam kawasan yang diluluskan;
 - Tidak dibenarkan mengambil hasil utama hutan (kecuali kayu bulat) selain dari kawasan yang diluluskan;
 - Menyiapkan kerja pengusaha hasilan dalam tempoh lesen yang ditetapkan. Lesen ini boleh dilanjutkan oleh Pengarah Perhutanan Negerisekiranya kerja mengambil hasil utama hutan (kecuali kayu bulat) bagi kawasan ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - Mengemukakan permohonan lanjutan tempoh lesen tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamat tempoh lesen;
 - Menjelaskan bayaran royalti dan ses mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa;
 - Kebenaran untuk memulakan kerja mengeluar dan mengambil hasil utama hutan (kecuali kayu bulat) hanya diberi selepas semua bayaran lesen, alatan/jentera/mesin/kenderaan dan sublesen didaftarkan serta telah dijelaskan bayarannya;
 - Lesen yang akan dikeluarkan itu tidaklah boleh dipinjam atau disandar atau ditukar milik atau pun diberi Surat Kuasa (*Power of Attorney*) kepada pihak yang lain;

- i. Kelarian jalan pengeluaran yang akan digunakan untuk kelulusan ini hendaklah dikemukakan ke Pejabat Hutan Daerah bagi tujuan pengeluaran permit jalan hutan; (**Pilihan JPN**)
- j. Kerajaan Negeri tidak memaksa YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk menerima tawaran ini. Sekiranya YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan tidak berpuas hati dengan isi kandungan hasil utama hutan (kecuali kayu bulat) yang terdapat di dalam kawasan yang diluluskan; dan
- k. Kerajaan Negeri juga tidak terikat untuk menimbangkan sebarang rayuan untuk menukar kawasan atau mendapatkan kawasan ganti sekiranya kawasan yang diluluskan ini atau mana-mana bahagiannya adalah kurang atau tidak berhasil.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)

Pengarah Perhutanan Negeri

.....
s.k. Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....
(Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan pelan kawasan yang diluluskan)

CONTOH SURAT

Nombor Rujukan
Tarikh

Pengarah/Individu
Nama Syarikat/Individu
Alamat Syarikat/Individu

Gelaran (Cth : YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan)

**PERMOHONAN MENGAMBIL HASIL UTAMA HUTAN (.....) DARI
HUTAN SIMPANAN KEKAL/TANAH KERAJAAN DI NEGERI.....BAGI
TAHUN.....**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa(sebagai contoh:*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri/ Jawatankuasa Hasil Bumi Negeri*).....Bil.....bertarikh.....apabila menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil..., Majlis telah memutuskan bahawa permohonan YBhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan **adalah tidak dapat dipertimbangkan dan ditolak**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)
Pengarah Perhutanan Negeri
.....

s.k. Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.....